

Teliti cadangan pulih kawasan terjejas

Kerajaan negeri meneliti cadangan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenai langkah memulih semula kawasan hutan di Mukim Batu Yon, Merapoh, Lipis yang sebelum ini terjejas dengan aktiviti pembalakan.

Setiausaha kerajaan negeri Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, apabila segala aspek diambil kira, kerajaan negeri akan menyerahkan cadangan berkenaan kepada pihak berkaitan.

Ia membabitkan Jabatan Perhutanan, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) dan Yayasan Pahang untuk tindakan susulan.

“Kita harap semua cadangan untuk memulih semula hutan berkenaan akan dilaksanakan sebelum Tahun Baru Cina tahun depan.

“Berdasarkan perkembangan semasa, kerja pembalakan di kawasan hutan itu sudah dihentikan

sepenuhnya dan rundingan dengan Yayasan Pahang dan PKPP juga dijalankan berikutan kawasan terbabit milik agensi itu,” katanya selepas merasmikan majlis penutup Minggu Inovasi Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) 2017 di sini, semalam.

Baru-baru ini, penerokaan hutan di Merapoh mendapat tentangan penduduk setempat dan badan bukan kerajaan (NGO) kerana dikhuatiri menjejaskan alam sekitar dan kawasan tadahan air di situ.

Pada 30 Nov lalu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar mengarahkan semua aktiviti termasuk pembersihan hutan itu dihentikan.

Mengenai persediaan menghadapi banjir di Pahang, Muhammad Safian berkata, semua keperluan di pangkalan hadapan sudah dihantar sepenuhnya.

*Harian Metro
09/12/2017*